## BERNAMA (BM) - 01 NOVEMBER 2022

https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2134248

## **EKONOMI**

## Anak Syarikat SunCon raih kontrak daripada Sharp Ventures Solar, Sunway Flora bernilai RM463 juta

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Anak syarikat milik penuh Sunway Construction Group Bhd (SunCon), Sunway Construction Sdn Bhd (SCSB) meraih dua kontrak daripada Sharp Ventures Solar Sdn Bhd (SVS) dan Sunway Flora Sdn Bhd dengan nilai gabungan RM463 juta.

Dalam dua makluman kepada Bursa Malaysia, SunCon berkata SCSB meraih kontrak kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pengoperasian (EPCC) bernilai RM185.01 juta daripada SVS yang terletak di Kapar, Selangor dan menerima surat lantikan daripada Sunway Flora Sdn Bhd untuk kerja-kerja pembinaan utama melibatkan kondominium di Kuala Lumpur bernilai RM278 juta.

Tempoh untuk menyiapkan kerja-kerja EPCC ialah 18 bulan dari tarikh permulaan iaitu pada Disember 2022.

Bagi projek Sunway Flora, kontrak itu bermula hari ini dan dijangka siap pada 31 Okt, 2025.

Kedua-dua projek itu dijangka menyumbang secara positif kepada pendapatan SunCon dari tahun kewangan berakhir 31 Dis, 2023 dan seterusnya.

-- BERNAMA